



Tahun 2. No. 20

DITERBITKAN OLEH PEJABAT PENERANGAN
KERAJAAN BRUNEI
DUA KALI SABULAN

1 December, 1957.

Majlis Mashuarat Da'erah Brunei menilek dengan penoh teliti

PERLAMBAGA'AN BARU BERTULIS

NEGERI BRUNEI

Satu Persidangan Majlis Mashuarat Da'erah Brunei telah berlangsung baharu2 ini berturut2 dua hari, pada 26 dan 27 hbl. November yang lalu. Mashuarat ini bertempat di-Lapau, Bandar Brunei.

Antara lain yang telah dibincangkan dalam permashuaratan itu ia-lah menilek dengan penoh teliti dan memahami halus-halus akan Perlambaga'an Baru Bertulis Negeri Brunei. Satu Jawatan Kuasa yang mengandongi 5 orang ahli yang akan menyusun sa-buah Memorandum untuk di-kemukakan dalam Majlis Mashuarat Negeri untuk pertimbangan, telah di-lantek.

Di-fahamkan bahawa Memorandum itu ada-lah mengandongi chadangan2 dan pinda'an2 mengenai Perlambaga'an tersebut.

Sidang ini telah di-pengurusikan oleh Yang Berhormat Pengeran Ali dan telah di-hadziri oleh kebanyakan Ahli2 Mashuarat Da'erah Brunei.

Mr F.G. Whelan dan Mr J.H. Alman; dari Singapura: Mr Kwan Sui Khoo dan Mr E.H. Price; dan wakil2 dari Hongkong ia-lah Mr Cheung Wing Ming, dan beberapa wakil2 lagi dari tempat2 dalam lengkungan tersebut

PERSIDANGAN PAKAR2 PELAJARAN

Satu Pertemuan wakil2 dan pemerhati2 dari negeri2 Tanah2 Jajahan British di-Tenggara Asia dan Timor Jauh telah diadakan di-Jesselton, Borneo Utara baharu2 ini.

Pertemuan ini merupakan satu persidangan merundingkan hal ehwal pelajaran mengenai latehan guru2, bertempat di Dewan Jabatan Pelajaran Kerajaan Borneo Utara. Persidangan ini telah di-mulai pada 29 hb. November yang lalu dan dijangka akan mengambil masa hingga 3 hbl. December, 1957 akan datang ini.

Di-antara para wakil2 yang telah hadir dalam persidangan itu, dari Brunei: Mr James Pearce, bekas Pegawai Pelajaran Negeri di-Brunei dan sekarang menjadi Tuan Pengetua Pusat Latehan Guru2 Melayu Brunei. Dari Sarawak: Mr D. Goodson, Che'gu Razali bin Haji Yusuf, Mr K.G. Robinson dan Mr Ting Kong Yui. Dari Borneo Utara:

DYMM AL-SULTAN DI-RA'EKAN DI-MAJ-
LIS2 SEJAK HARI KETIBA'AN SALEPAS

MELAWAT

UNITED KINGDOM DAN EROPAH

Sejak dari hari ketiba'an-nya dari lawatan2 ka-United Kingdom dan ka-Benua Eropah, Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan telah di-ra'ekan dalam beberapa majlis2 tanda bakti dan perasa'an shukor atas keselamatan Baginda balek ka-tanah ayer salepas bertukar2 hawa di-luar negeri yang mengambil masa kira2 dua bulan satengah.

Majlis Jamuan Teh Anjoran Jawatan
Kuasa Sambutan

Pada petang 15 hbl. November yang lalu satu Majlis Jamuan teh telah di-adakan oleh Jawatan Kuasa Sambutan Ketiba'an Baginda bertempat di-Brunei Hotel. Majlis ini telah di-pimpin oleh Pengurus Jawatan Kuasa tersebut, Yang Amat Mulia Pengeran Kerma Indra.

Di-antara para hadzirin dalam majlis ini termasuk Tuan Yang Berhormat J.O. Gilbert dan Isteri-nya, Duli2 Yang Teramat Mulia Pengeran Bandahara dan Yang Teramat Mulia Pengeran Pemancha, serta Ahli2 Kerabat Diraja dan Ahli2 Majlis Mashuarat Negeri.


Tatkala bertitah, Duli Yang Maha Mulia terlebih dahulu mengucapkan terima kasih-nya kepada Ahli2 Jawatan Kuasa Sambutan tersebut atas susah payah mereka mengadakan majlis yang begitu meriah. Baginda melanjutkan titah menerangkan maksud2 sabenar dan tujuan Baginda keluar negeri itu.

"Memang sabenar-nya saya pergi itu kerana semata2 untuk berehat dan bertukar2 hawa sambil melawat2 ka-tempat2 yang saya agak berfa'edah. Tetapi oleh kerana di-pandang yang saya berada di-England itu ada baik-nya bagi Setia Usaha Agong bagi Tanah2 Jajahan mengadakan perhubungan dengan saya mengenai Perlambaga'an Brunei. Kerana kira-nya perkara ini hanya di-teruskan mengadakan perhubungan sechara surat ada-lah akan mengambil masa yang lama, dan ini telah pun tergantung dari 3-4 tahun dahulu."

KAPAL2 BAHARU KERAJA'AN


Captain E.H. Muton, Pegawai Perkapalan Negeri Brunei, telah pun tiba di-Brunei pada 20 hbl. November yang lalu dari Singapura sesudah menerima dua buah kapal yang baharu bagi Negeri Brunei yang baharu sahaja siap di-buat oleh Sharikat Thornycrofts, Singapura. Captain Muton telah pergi ka-Singapura pada 13 hbl. November, 1957.

Kapal2 itu kepunya'an Pejabat Kerja Raya Brunei telah di-namakan "NAKHODA MANIS" dan "SINDUAN", dan sekarang kapal2 ini sudah berada di-Brunei.



Pintu Gerbang ini telah di-bangunkan untuk mera'ikan ketiba'an Baginda Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin D.K., S.P.M.B., K.C.M.G., Sultan Negeri Brunei setelah berada di-United Kingdom dan di-Benua Eropah kerana melangsungkan lawatan2-nya di-tempat2 yang mashhor di-sana bersama2 dengan pengiring2-nya.

Gambar atas menunjukkan satu Pintu Gerbang yang telah di-dirikan atas perbelanja'an Kerajaan Brunei, dan gambar bawah menunjukkan satu Pintu Gerbang yang telah di-dirikan atas perbelanja'an Kaum2 Melayu dan China di-Brunei. Kedua2 Pintu Gerbang ini di-dirikan di-Jalan Sultan, Bandar Brunei.



PERLAWANAN BOLA SEPAK SEKOLAH2 JAJAHAN BRUNEI

Johan - SOAS College d a n Naib Johan - Sekolah Melayu SUAS

Telah berlangsung pada 20 hbl. November baharu2 ini satu perlawanan bola sepak yang hebat di-antara Sultan Omar Ali Saifuddin College, Brunei dengan Sekolah Melayu Sultan Umar Ali, Muara. Ini ialah perlawanan yang terakhir bagi merebut gelaran Johan Sekolah2 Daerah Brunei, dan setelah berlawan Sultan Omar Ali Saifuddin College telah menchapai gelaran Johan tahun ini dalam perlawanan Bola Sepak bagi sekolah2, dengan 2 gol berbalas satu.

Perlawanan tersebut bertempat di-Padang Sekolah Melayu SUAS, Muara, dan telah disaksikan oleh ramai bilangan penyaksi2.

- sambongan di-muka 6 -

- sambongan dari muka 2 -

Selanjut-nya Baginda menguchap shukor yang perundingan-nya mengenai Perlambagaan itu berjalan dengan baik dan harapan Baginda Rakyat Negeri Brunei akan berpuas hati dan akan mendengar hasil perundingan itu tidak berapa lama lagi.

Sabagaimana berita2 yang di-siarkan oleh surat2 akhbar mengatakan yang kepergian Baginda itu semata2 untok merundingkan Perlambagaan itu ada-lah anggapan yang tidak benar. (lihat muka 7)

Majlis Jamuan Minuman di-Residency

Pada kaesokan hari-nya pula ia-itu pada 16 hbl. November, 1957, Yang Berhormat Tuan British Resident J.O. Gilbert dan Isteri-nya juga telah mengadakan satu Majlis Minuman di-rumah mereka sendiri mera'ekan selamat tiba-nya kembali Al-Sultan serta pengiring2-nya setelah berada di-United Kingdom dan di-Eropah selama kira2 dua bulan satengah.

Selain dari DYMM serta rombongan Baginda sendiri hadir dalam majlis itu juga 60 orang pembesar2 negeri Brunei telah di-jemput ka-majlis tersebut.

Majlis Berzikir Anjoran 'PERKASA' Brunei

Dalam Majlis Berzikir anjoran Persatuan Kesatuan Islam Brunei yang bertempat di-Mesjid Pekan Brunei juga tanda keshukoran atas selamat-nya Baginda serta rombongan-nya tiba di-tanah ayer kembali selepas berada di-luar negeri, jamuan teh telah pun di-hidangkan.

Di-antara para hadirin kira2 200 orang termasuk dari semua peringkat rakyat jelata Brunei, Yang Berhormat Mulia Kadzi Besar Negeri Brunei yang juga menjadi Yang di-Pertua Kesatuan Islam Brunei, Yang Amat Mulia Pengeran Kerma Indra, Yang Berhormat Pengeran Mohd. Yusuf A.R., Kerabat2 Diraja dan Pehin2 juga telah hadir dalam majlis tersebut.

Majlis ini di-tamatkan dengan penoh meriah lewat malam itu.

!!!!!!!!!!!!!!!!!!!!

MAJLIS JAMUAN TEH DI-ISTANA DARUL HANA

SULTAN BERTITAH

Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan telah mengadakan satu Majlis Jamuan Teh di-Istana Baginda, Istana Darul Hana pada petang Sabtu, 23 hbl. November, 1957 dengan di-hadziri oleh ramai bilangan para jemputan, termasuk Duli2 Yang Teramat Mulia Pengeran Bendahara dan Yang Teramat Mulia Pengeran Pemancha, Yang Berhormat Mulia Kathi Besar Negeri Brunei Pengeran Haji Mohamed Salleh, Yang Amat Mulia Pengeran Kerma Indra, Ahli2 Majlis Meshuarat Negeri dan Pegawai2 Keraja'an, Menteri2, Pegawai2 Ugama, Penghulu2 dan Ketua2 Kampong, Ketua2 Kaum, dan perusaha'an serta sabahagian orang awam.

Dalam masa majlis itu berjalan Baginda bertitah :

"Duli2 Pengeran dan sidang hadzirin,

"Lebèh dahulu saya menguchapkan shukor kepada Allah Subhanahu Wata'ala yang telah memberi limpah kurnia-nya kepada kita dan saya sangat menguchapkan sukachita dan terima kaseh kepada tuan2 yang telah hadzir ka-majlis jamuan pada petang ini." Demikian Baginda memulakan titah-nya.

"Di-sini saya sukachita dengan tulus ikhlas hati saya mengha-dapkan atau memberi sedikit nasehat kepada rakyat dengan peranata-
'an tuan2 yang hadzirin di-sini. Saya harap tuan2 akan faham dan saya harap jua tuan2 jangan salah bagi mena'wilkan-nya. Nasehat ini ia-lah dengan mithalan sahaja.

"Ini-lah sedikit nasehat saya pada rakyat saya. Jika hendak mendirikan satu bangunan hendak-lah di-kukohkan foundation ya'ini dasar-nya buat penyambut dan penahan bangunan itu jangan sampai ter-peridok, supaya boleh tahan dan tegak sentiasa.

"Foundation bagi bangunan2 itu ada-lah berjenis2, ada kala-nya kayu, ada pula batu dan lain2-nya, kerana mengikut sabesar mana dan tinggi bangunan yang hendak kita dirikan itu; bukan hanya kita berharapkan atas keada'an tanah keras atau tanah bukit saja; mahu-lah di-buat dengan kukoh foundation-nya itu supaya bangunan itu tegak dan mudahan berkekalan.

"Tetapi foundation bagi kemerdekaan Negeri itu tergantung kepada 'ilmu pengetahuan, serta pengalaman penduduk2 negeri-nya.

MA'AF

Kita menuntut ma'af kerana
keluaran kali ini sedikit
materakhir di-sebabkan keda-
tangan gambar2 hiasan muka depan dll. dari Singapura lewat.

- bersambung di-muka 8 -

- Sambongan dari muka 7 -

Dari itu saya harap rakyat akan belajar dan menuntut 'ilmu pengetahuan dengan bersungguh2 serta berbaik2an faham sesama saudara kamu, yang sa-bangsa dan sa-ugama dengan kamu, dan hendak-lah berbaik2 dengan segala bangsa dengan tidak memilih apa ugama-nya.

BERHENTI DARI JAWATAN SAMENTARA

Ahli2 samentara berikut talah berhenti dari jawatan2 mereka samentara mulai dari 13 hbl. Nov., 1957:

Majlis Mashuarat Negeri - Awang Jamil bin Pehin Udana Khatib Awg. Umar, Inche' Hamidoon bin Awg. Damit dan Pengeran Ahmad bin Pgn. Anak Iuba.

Jawatan Kuasa Tanah dalam Majlis Mashuarat Negeri - Inche' Hamidoon bin Awg. Damit, Yang Berhormat Mr George Newn Ah Foott dan Awang Jamil bin Pehin Udana Khatib Awg. Umar.

Jawatan Kuasa Perkhidmatan Awam - Yang Berhormat Mr George Newn Ah Foott, Yang Berhormat Pengeran Ali bin Pengeran Haji Mohd. Daud dan Yang Berhormat Inche' Marsal bin Maun.

"Ilmu pengetahuan dan pengalaman serta di-perchayai boleh mentadbirkan perentahan Kerajaan negeri-nya. Tidak payah saya huraikan panjang lebar tentang perkara ini memadai-lah jika saya mithalkan India Burma, Ceylon dan Malaya yang berhampiran dengan negeri kita. Dahulu negeri2 yang tersebut itu ia-lah Jajahan2 British (British Colonies) dan Malaya di-bawah Naungan British (British Protectorate), tetapi sekarang bukan-kah negeri2 itu sudah merdeka ya'ni berkerajaan sendiri? seperti pepatah Melayu "sabelum kita pandai merunggau belum-lah kita boleh belusir" dan satu pepatah lagi "biar lambat asal selamat".

"Tidak di-suruh kita berperasaan takbor, sombong atau bermegah2 kerana barangkalidengan bilangan kita ramai, dengan kekuatan kita yang kita fikirkan cukup atau di-atas kekayaan kita atau kekayaan negeri kita. Perasaan seperti itu boleh jadi membutakan mata ikhtiar untuk menjalankan atau membuat pekerjaan dengan niat yang mendatangkan kebajikan kepada rakyat dan bagi keamanan dan kema'muran negeri.

"Lagi satu perkara juga mendukachitakan hati saya, kerana perkhabaran yang telah sampai kepengatahuan saya juga dalam surat2 khabar. Ada pula sangka'an yang menudoh sa-sa-orang konon-nya hendak mempéchah belahkan saya dengan rakyat, sangka'an samacham itu jangan-lah di-perchayai atau di-peramalkan.

"Saya ada mendengar2 bahu-wa sagolongan daripada penduduk2 Brunei ada mengatakan Negeri Brunei ini akan di-naungi oleh Kerajaan British s lama-lama-nya. Saya berani katakan serta saya cukup perchaya Kerajaan British tidak berniat sademikian itu. saba-lek-nya ada-lah muslihat atau dasar Kerajaan British sememangnya suka melepas dan membebaskan mana2 negeri yang di-naungi atau di-jajah-nya supaya tiap-tiap negeri itu boleh memarentah sendiri, jika dan apabila di-dapati-nya anak2 negeri itu sudah ada mempunyai cukup pelajaran,

TAYANGAN WAYANG GAMBAR PEJABAT PENERANGAN

Dibawah ini ia-lah Jadual Waktu Tayangan Wayang Gambar Jabatan Penerangan Kerajaan Brunei untuk Daerah2 Brunei, Muara dan Tutong mulai dari 1 hbl. hingga 15 hbl. December, 1957 ini:-

Pada malam 2 hbl. December - di-Kampung Bandahara Lama (bertempat di-rumah Pengeran Anak Hassan); 3 hbl. December - di-Dewan Maktab SOAS; 4 hbl. December - di-Sekolah Melayu Pulau Baru2; 7 hbl. December - di-Sekolah China Tutong; 9 hbl. December - di-Sekolah Melayu Lemunin; 11 hbl. December - di-kawasan Bangunan2 Kerajaan Brunei; dan pada malam 14-hbl. December - di-Dewan Jabatan Penerangan Kerajaan Brunei.

Tiap2 tayangan wayang tersebut akan bermula pada pukul 7.00 petang.

..... 3f

C H E R A M A H

IKATAN BUDAYA MELAYU BRUNEI - P.M. YUSUF DI-ENGLAND, ZAINI DI-INDIA

Ikatan Budaya Melayu Brunei (IBU) akan mengadakan satu Majlis Cheramah di-Dewan Pejabat Penerangan Kerajaan Brunei di-Bandar Brunei (dengan ihsan Pegawai Penerangan Negeri Brunei, Yang Berhormat Pengeran Mohd. Yusuf A.R.) pada hari Juma'at 13 hbl. December, 1957 mulai jam 2.00 petang.

Cheramah2 itu akan di-beri oleh Yang Berhormat Pengeran Mohd. Yusuf sendiri (Yang di-Pertua Agong IBU Brunei) mengenai LAWATAN-NYA KA-EROPAH dan Inche' Zaini bin Haji Ahmad (Setia Usaha Agong IBU Brunei) mengenai LAWATAN-NYA KA-INDIA DAN PAKISTAN.

Saudara Adi Mas akan juga memberikan cheramah-nya mengenai "Kebudayaan Dalam Musharakat".

Orang ramai ada-lah di-perbolehkan dengan hormat datang ke-majlis tersebut.

.....

DPP MEMANGKU JAWATAN-NYA SAMULA

Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengeran Pemancha telah mulai memangku jawatan-nya samula sebagai Pegawai Adat Istiadat Negeri, Ugama dan Kebajikan Musharakat, Brunei mulai daripada 13 hbl. November, 1957.

Yang Berhormat Inche' Marsal bin Maun dan Yang Berhormat Pengeran Ali bin Pengeran Haji Mohammad Daud, yang kedua2 beliau ini telah memangku jawatan tersebut sementara peninggalan DPP sejak dua bulan setengah dahulu waktu mana ia berada di-luar negeri, telah tidak lagi memangku jawatan itu.

- sambongan dari muka 7 -

"Saya sekali2 tidak akan berpechah belah dengan rakyat saya. Orang2 tidak dapat mempechah belahkan saya dengan rakyat saya. Susah benar hendak memechah belahkan saya dengan rakyat saya, kechuali dengan takdir Tohan. Sakira-nya rakyat tidak sukakan saya itu saya tidak ketahui. Saya sabagai Raja, berkhidmat dengan niat yang kakebajikan berfa'edah dan menafa'at kapada rakyat dan negeri Brunei.

"Saya tidak menaruh khuatir atau takut apa2 pun, hanya saya berasa sayang dan dukachita sangat jikaada-jikaada di-antara rakyat saya atau penduduk Brunei yang kurang faham dan membuat satu-satu perbuatan atau pekerjaan yang melampau2 sangat, yang tidak mendatangkan fa'edah dan bermafa'at kapada rakyat, dan untuk kemajuan, kema'muran dan ke-amanan negeri ini, tambahan pula perbuatan itu jika menyalahi2 undang2 dan peraturan. Saya berasa sukachita di atas perbuatan rakyat benar2 mendatangkan kebaikan dan menafa'at-nya kapada rakyat negeri ini, bukan kebaikan dan nafa'at-nya itu hanya bagi diri-nya sendiri atau untuk satu2 puak atau satu2 kaum saja. Perbuatan yang kebajikan saperti itu jika saya fikir dan timbang dan dapati menasabah yang membolehkan saya memberi pertolongan, saya akan beri pertolongan2 dan sokongan2 dengan saberapa daya upaya saya.

"Kita ada-lah hamba Allah, d dalam Ugama kita, di-suroh kita berusaha dan berikhtiar dengan bersungguh2 dan dengan niat yang kebajikan dan dengan berusaha yang bersungguh2 itu neschaya-lah akan di-dapati fa'edah-nya juga, dan di-suroh-nya kita ber'ibadat kerana kita tidak akan hidup selama2-nya, tetapi sabaik2 perjalanan itu ia-lah yang sedarhana atau pertengahan.

"Satu perkara lagi yang saya suka benar terangkan di-sini sabagaimana saya telah lafadzkan di-Brunei Hotel pada 15/11/57 berkenaan dengan lawatan saya ka-England.

"Ada-lah lawatan saya itu sememang-nya saya telah ranchangkan 2-3 tahun dahulu samata2 kerana berehat atau bertukar angin dan dengan jalan itu boleh-lah juga meluaskan lagi pemandangan dan pengalaman saya dan bukan-lah niasaya hendak merundingkan dengan Kerajaan British darihal Perlambagaan negeri Brunei sabagaimana tuduhan sagolongan daripada penduduk negeri Brunei yang tersiar dalam surat2 khabar itu.

"Ada-lah perkara Perlambagaan itu sudah dekat 4 tahun telah dirundingkan di-antara saya dan penasihat2 saya dengan Kerajaan British dengan jalan perantara'an utus mengutus di-antara Brunei/Kuching/London. Jadi-nya kabetolanpula saya berada di-England itu, maka Yang Amat Berhormat Tuan Setia Usaha Agong Tanah Jajahan British pun telah mengambil peluang

- sambongan dari muka 10 -

mempersilakan saya berunding dengan-nya sabanyak sedikit dalam se-
kian perkara yang belum di-jelaskan atau di-selesaikan dalam
Perlambaga'an itu. Maka jemputan Yang Amat Berhormat itu pada pera-

sa'an saya ia-lah suatu peluang
yang ke-emasan dan tidak patut di-
tolak kerana:

INGIN MENDENGAR NYANYIAN

DAN BERETA DUNIA?

Untuk mendapatkan penghi-
boran2 dan pengetahuan2
yang menyenangkan, dapat-
kan sa-buah Radio - "Murah
di-beli, Mahal di-pakai".

Bayaran ansoran tiap2
bulan \$5.00 saja - dapat
sa-buah battery kering
perchoma.

Untuk penerangan yang
lanjut berhubong-lah dengan
Pejabat Penerangan di 1 -
Brunei, Belait atau dengan
Pegawai2 Daerah masing2
atau bacha-lah Pelita Bru-
nei keluaran 15 hbl. Nov.
yang lalu.

i) saya berada di-England

ii) jika ada perkara2 yang masih
belum di-persetujukan oleh kedua2
pehak dalam Perlambaga'an itu
boleh-lah di-selesaikan dengan
chara berunding bersehadapan,
bersemuka dan kita boleh kata
seperti perkata'an di-Brunei
dengan chara "bertolak ambit"
atau "bersurong tarek"

iii) jika saya tidak ambil peluang
itu dan jika perkara itu di-jalan-
kan dengan berutus2 surat di-
antara Brunei/Kuching/London
tentu-lah Perlambaga'an Negeri
Brunei itu akan lama lagi tergang-
gu padahal rakyat Brunei sendiri
suka benar Perlambaga'an itu di-

selesaikan dengan segera.

"Di-sini saya sukachita menyatakan ia-itu ada-lah perundingan
saya dengan Yang Amat Berhormat itu telah di-jalankan dengan chukop
baik dan kechuali dalam satu-dua perkara yang masih lagi dalam pe-
rundingan dan belum di-putuskan, boleh-lah di-katakan perundingan
itu kebanyakan-nya memuaskan hati saya. Saya harap tuan akan menge-
tahui kandungan Perlambaga'an itu dengan jelas-nya dalam sedikit
masa lagi.

"Saya berasa dukachita sedikit mendengarkan khabar bahawa
sagolongan daripada penduduk Brunei konon-nya akan memulaukan Per-
lambaga'an Negeri Brunei yang saya chadangkan itu. Pada fikiran
saya ada-lah langkah atau perbuatan samacham itu ia-lah kerana
mereka itu ada-lah salah faham. Kita baharu saja menchoba akan me-
langkah sa-tapak sabagai murid masih dalam perlatehan dan Perlamba-
ga'an itu belum lagi di-rundingkan dengan jelas-nya dalam Majlis
Mashuarat Da'erah dan Majlis Mashuarat Negeri, belum pun lagi di-
rasai baik-jahat-nya siang2 sudah di-bantut dan di-pulaukan. Jika
bagitu pada fikiran saya lebih baik kita tidak buat Perlambaga'an

- sambongan dari muka 11 -

itu dan biar-lah pentadbiran dan pemerentahan Negeri Brunei ini di-jalankan sahara biasa dan jangan di-adakan sasutu perubahan pun. Perlambaga'an itu jika di-luluskan dan di-jalankan kuat kuasa-nya bukan-lah berma'ana ia-nya itu akan kekal salama2-nya tidak boleh di-penda atau di-ubah. Dari satu ka-satu masa Perlambaga'an itu boleh di-penda dan di-ubah daripada pendapat dan pengalaman yang kita nanti perhati dan 'alami dari satu masa ka-satu masa menurut edaran masa.

"Bagi penutup ucapan saya ini, saya minta segala pegawai2 dan kaki tangan Keraja'an termasuk menteri2, pehin2, penghulu2 dan ketua2 hendak-lah dengan saberepa daya upaya memberi pertolongan dan nasehat yang kebajikan kapada rakyat dan penduduk negeri dan bagitu jua saya minta rakyat dan penduduk Negeri Brunei dengan segala tenaga bantuan dan bekerja sama dengan Keraja'an Brunei.

"Dengan jalan bekerja sama, berbaik2kan faham serta berbaik2 dan bertolongan2 itu saya perchaya bahawa Keraja'an dan Negeri Brunei serta sakelian rakyat dan penduduk-nya akan memperoleh bertambah2 lagi ke-amanan dan kesentosa'an". Tegas Baginda

Satelah menutup titah, sambil majlis itu berjalan, Baginda telah menjumpai dan berjabat tangan dengan para hadzirin di-wasa itu

Majlis berakhir dengan bacha'an do'a selamat yang telah dibachakan oleh Pehin si-Raja Khatib.

TARIKH2 PERLAWANAN BOLA SEPAK

MURID2 SEKOLAH BAHAGIAN "B"
(umor di-bawah 16 tahun)

KERANA COUSEN'S CUP 1957

* 1.	* 1.12.57	* (1)	* CHMS	* lawan	* Sengkureng di-padang Sengk.	* *
* 2.	* 2.12.57	* (2)	* SOASC	* "	* SMJA	* SOASC
* 3.	* 4.12.57	* (1)	* Berakas	* "	* StGS	* SOASC
* 4.	* 6.12.57	* (1)	* CHMS	* "	* SOASC	* SOASC
* 5.	* 8.12.57	* (2)	* SMJA	* "	* CHMS	* SMJA
* 6.	* 4.12.57	* (1)	* SMJA	* "	* StGS	* SMJA
		* (2)	* CHMS	* "	* Berakas	* SOASC
		* (2)	* Berakas	* "	* Sengkureng	* SMJA

perlawanan2 ini telahpun di-mulakan sejak 24.11.57.
